

Majlis Penyerahan Kad Diskaun Siswa 1Malaysia atau Kad S1M

Disediakan oleh : Mohd Khairuddin Ahmad

Majlis Penyerahan Kad Diskaun Siswa 1Malaysia atau dikenali sebagai Kad S1M, telah berlangsung pada 17 September 2012 lalu yang dihadiri oleh Menteri Pelancongan Malaysia yang juga Menteri Mentor Universiti Malaysia Sabah iaitu Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Ng Yen Yen. Seramai 200 orang pelajar yang hadir pada majlis tersebut yang berlangsung di Galeri, Bangunan Canselori, Universiti Malaysia Sabah dan seramai 10 orang pelajar telah menerima mock Kad S1M sebagai

simbolik penerimaan kad tersebut. Pewujudan Kad S1M atas inisiatif dan idea daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) berfungsi sebagai kad diskaun kepada pelajar dalam berbelanja untuk keperluan harian dan peralatan belajar di beberapa kiosk dan agensi yang turut serta dan terpilih melalui KPDNKK. Sementara itu, penyerahan perdana Kad S1M tersebut telah disampaikan secara besar-besaran pada 25 September 2012 di Dewan

Kuliah Perdana 2, bangunan Kompleks Akademik yang turut disaksikan oleh Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah, YBhg. Prof. Datuk Dr. Mohd Harun Abdullah dan Timbalan Naib Canselor HEPA YBhg. Prof. Madya Datuk Dr. Kasim Hj. Md. Mansur bersama Pendaftar Universiti Malaysia Sabah YBhg. Datuk Abdullah Hj. Said. Penyerahan Kad S1M tersebut telah berlangsung seawal jam 8.00 pagi sehingga jam 5.00 petang kepada semua siswazah dan pascasiswazah yang layak.

